



SIARAN AKHBAR

***UNTUK SIARAN SEGERA**

GANGGUAN PERKHIDMATAN RFID DI PLAZA TOL A, B & C BANDAR CASSIA

Batu Kawan, Pulau Pinang – 30 September 2023: Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB; Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan dan Pemegang Konsesi Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, JSAHMS) ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan RFID di Plaza Tol A, B & C Bandar Cassia yang terganggu semalam (29 September 2023) telah pulih seperti sedia kala pada hari ini.

Siasatan terperinci telah dijalankan bagi mengenal pasti punca utama gangguan teknikal terbabit. Dalam pada itu, pelbagai langkah yang sewajarnya juga telah diambil untuk mengelakkan kejadian sama berulang pada masa akan datang.

JKSB turut melahirkan rasa kesal atas kesulitan yang dihadapi oleh pengguna lebuh raya akibat gangguan berkenaan. Terima kasih diucapkan atas perhatian dan kerjasama semua pengguna lebuh raya.

Pengguna juga boleh menghubungi Hotline Jambatan Kedua Sdn Bhd di talian 1300-30-2828 untuk mendapatkan maklumat trafik atau ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-- TAMAT --

###

Info Korporat:

Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) ialah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan, diwujudkan pada Ogos 2008 untuk mereka bentuk, mentadbir dan mengendali Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang.

Untuk Pertanyaan Lanjut, Sila hubungi:

Encik Taha Rusydi Mohd Nazri

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

Jambatan Kedua Sdn Bhd

012-273 7685

taha_rusydi@jambatankedua.com.my